



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENGGANTIAN BUKU PERAKUAN JURUTERA STIM/ ENJIN PEMBAKARAN DALAM

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan untuk rujukan pelanggan semasa membuat permohonan **Penggantian Buku Perakuan Jurutera Stim/EPD** bagi memastikan pemohon mendapat panduan yang tepat dan jelas serta mengelakkan kekeliruan kepada pihak pemohon berkenaan hal-hal berkaitan Penggantian Buku Perakuan Jurutera Stim/EPD.

2.0 SYARAT – SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN PENGGANTIAN BUKU PERAKUAN JURUTERA STIM/ EPD

No.	Skop Permohonan	Kelayakan
1.	Pertukaran Buku Perakuan Ke Slip Kompetensi (Buku Fizikal kepada Slip)	Telah mempunyai kompetensi sebagai Jurutera Stim Gred 2, Jurutera Stim Gred 1, Jurutera EPD Gred 2 atau Jurutera EPD Gred 1. Arahan daripada pihak Jabatan
2.	Penggantian Buku Perakuan (Hilang atau Rosak)	Telah mempunyai kompetensi sebagai Jurutera Stim Gred 2, Jurutera Stim Gred 1, Jurutera EPD Gred 2 atau Jurutera EPD Gred 1. Mempunyai laporan polis bagi pemohon yang telah kehilangan buku perakuan.
3.	Cetakan Slip Pendaftaran (Bagi Pemohon Yang Masih Belum Menerima Buku Perakuan)	Telah lulus peperiksaan kompetensi sebagai Jurutera Stim Gred 2, Jurutera Stim Gred 1, Jurutera EPD Gred 2 atau Jurutera EPD Gred 1 dan masih belum menerima buku perakuan.

3.0 JENIS PERMOHONAN PENGGANTIAN BUKU PERAKUAN JURUTERA STIM/ EPD

Di dalam modul Penggantian Buku Perakuan Jurutera Stim/EPD, terdapat empat (4) jenis kompetensi iaitu:

- Jurutera Stim Gred 1
- Jurutera Stim Gred 2

- Jurutera EPD Gred 1
- Jurutera EPD Gred 2

Pemohon dikehendaki memilih kompetensi yang berkenaan sahaja untuk tujuan permohonan Penggantian Buku Perakuan Jurutera Stim/EPD


4.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

Bahagian A: Jenis Permohonan	
Maklumat	Penerangan
Jenis Kompetensi	Kompetensi yang dimiliki oleh pemohon
Skop Permohonan	Skop permohonan yang ingin dipohon
No. Perakuan/ No. Siri	No. Perakuan/No. Siri seperti di dalam buku perakuan fizikal
Status Majikan	Status terkini majikan
Bahagian B: Maklumat Permohonan	
Gambar Profil	Gambar profil hendaklah berukuran pasport dan berlatar belakang biru.
Nama Pemohon	Nama penuh seperti di dalam Kad Pengenalan
Bangsa	Seperti di dalam Kad Pengenalan
Alamat Surat Menyurat	Alamat penuh seperti di dalam Kad Pengenalan
No. Telefon	No. Telefon peribadi pemohon dan masih aktif
Emel	Emel terkini calon dan masih aktif
Bahagian C: Maklumat Tempat Kerja	
Nama Majikan/Syarikat	Nama syarikat perlu di buat melalui carian tempat kerja di sistem bagi status majikan = Ada Majikan. Manakala, bagi pemohon yang tiada majikan, perlu mengisi secara manual
No. Pendaftaran Kilang/ Tempat Kerja	No. Pendaftaran Kilang/ Tempat Kerja yang telah berdaftar dengan JKKP
Alamat Premis	Alamat penuh yang telah berdaftar dengan JKKP
Alamat Surat Menyurat	Alamat penuh seperti di dalam Kad Pengenalan
No. Telefon	No. Telefon syarikat terkini dan masih aktif
Emel	Emel syarikat terkini dan masih aktif
Bahagian D: Maklumat Pendidikan	
Nama Institusi	Nama Institusi Pendidikan
Taraf Pendidikan	Taraf pendidikan tertinggi sehingga peringkat ijazah sahaja. (Taraf yang tertinggi sahaja)
Bidang Pendidikan	Bidang pendidikan yang diambil (Bidang Kejuruteraan sahaja)
Tempoh Pendidikan	Alamat penuh seperti di dalam Kad Pengenalan
Bahagian E: Maklumat Pengalaman Bekerja	
Nama Syarikat	Nama penuh syarikat
Bidang Bekerja	Skop kerja/tanggungjawab/peranan

Jawatan	Jawatan yang disandang
Tempoh Bekerja	Tempoh bekerja di syarikat terdahulu dan terkini
Catatan	Lain-lain perkara yang ingin dimaklumkan (Mandatori)
Bahagian F: Maklumat Peperiksaan	
Jenis Peperiksaan	Jenis peperiksaan yang telah diduduki oleh calon
Lokasi Peperiksaan	Lokasi yang dihadiri oleh calon semasa menduduki peperiksaan
Tarikh Peperiksaan	Tarikh peperiksaan yang telah dihadiri
Keputusan Peperiksaan	Keputusan peperiksaan yang telah diterima oleh calon

5.0 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan berikut hendaklah dimuat naik untuk permohonan ini dan perlu disimpan di dalam format PDF dan tidak mempunyai kata laluan.

Butiran	Penerangan
Imbasan Kad Pengenalan depan dan belakang yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Kakitangan Kerajaan Gred A.*	Salinan yang dimuat naik perlulah jelas serta berwarna depan dan belakang dan telah disahkan. Permohonan akan ditolak jika tidak menepati piawaian yang ditetapkan. 
Salinan Laporan Polis*	Salinan laporan polis yang telah di buat. Dokumen ini wajib dilampirkan bagi pemohon skop permohonan Penggantian Buku Perakuan (Hilang atau Rosak)
Surat Rasmi Permohonan/ Surat Arahan Penggantian Buku Perakuan Daripada Jabatan*	Surat rasmi permohonan/ Surat arahan penggantian buku perakuan kebolehan yang dikeluarkan jabatan semasa memohon permohonan sebagai Jurutera Stim atau Jurutera EPD
Salinan Buku Perakuan sebagai Jurutera Stim/EPD *	Salinan buku perakuan yang telah dimiliki oleh pemohon. Dokumen ini wajib dilampirkan bagi skop permohonan Pertukaran Buku Perakuan Ke Slip Kompetensi (Buku Fizikal kepada Slip) dan Penggantian Buku Perakuan (Hilang atau Rosak)
Salinan Keputusan Peperiksaan *	Salinan keputusan peperiksaan pemohon. Dokumen ini wajib dilampirkan bagi skop permohonan Cetakan Slip Pendaftaran (Bagi Pemohon Yang Masih Belum Menerima Buku Perakuan)

6.0 SELF – DECLARATION

1. Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan

ke atas calon jika didapati :

- Tidak memenuhi mana-mana syarat-syarat kelayakan Jurutera Stim / Enjin Pembakaran Dalam; atau
 - Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
 - Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa ; atau
 - Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyatakan atau fraud.
2. Bagi calon fraud, nama calon akan di senarai hitamkan dan tidak dibenarkan untuk memohon peperiksaan Jurutera Stim / Enjin Pembakaran Dalam.

7.0 PIAGAM PELANGGAN

Tiada piagam pelanggan bagi permohonan Penggantian Buku Perakuan Jurutera Stim / Enjin Pembakaran Dalam (EPD).

Disediakan oleh:

Unit Pengiktirafan

Seksyen Pengiktirafan, Peperiksaan & Persijilan

Bahagian Keselamatan Industri Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

12 September 2022